

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN LOKE SIEW FOOK
[SEREMBAN]
TARIKH : 19 MEI 2015 (SELASA)
SOALAN :

YB Tuan Loke Siew Fook [Seremban] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk mewujudkan semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 supaya sebuah Suruhanjaya Perkhidmatan Parlimen dapat ditubuhkan untuk menguruskan segala hal-hwal pentadbiran, pengurusan, kewangan dan lain-lain yang berkenaan dengan Parlimen Malaysia.

JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Perkhidmatan Parlimen yang dimansuhkan pada tahun 1992 dibuat untuk memberi ruang kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Parlimen untuk mengembangkan kerjaya masing-masing dengan lebih luas lagi. Oleh itu, Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 akan dipertimbangkan mengikut keperluan dari semasa-semasa.

Sekian. Terima kasih.